



Kawasan Pantai Remis dinaiki air akibat fenomena air pasang.

13 mangsa banjir dipindahkan

Kediaman empat keluarga terjejas akibat air pasang besar

TANJONG KARANG – Seramai 13 penduduk melibatkan empat keluarga terpaksa dipindahkan ke Balairaya Lorong Hamzah 2, Jalan Bagan Pasir selepas rumah mereka ditenggelami air setinggi satu meter kira-kira jam 5 pagi, semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tanjung Karang, Azmi Abbas berkata, mangsa membatikan lapan kanak-kanak itu ditempatkan di pusat penempatan banjir buat sementara waktu.

Menurutnya, operasi pemantau-

an banjir diketuai Pegawai Bomba Kanan II, Zuraini Rawian dengan kekuatan empat anggota di kawasan terjejas.

“Buat masa ini, air sudah surut kira-kira jam 8 pagi, tapi dijangka akan naik semula apabila berlaku air pasang besar di kawasan pesisir pantai sehingga 21 September nanti,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, semua mangsa kini mendapat bantuan kelengkapan keperluan asas yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala

Selangor dan agensi berkaitan.

Katanya, antara agensi lain yang terlibat dalam operasi ini, Unit Bencana Daerah Kuala Selangor dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

“Orang ramai khususnya penduduk yang hampir dengan kawasan pantai diminta berwaspada.

“Ini kerana amaran fenomena air pasang besar akan melanda kawasan pesisiran pantai setinggi sehingga 5.6 meter dan BBP bersiap sedia menghadapi kemungkinan,” katanya.

Jejas pesisiran pantai

DALAM pada itu, fenomena air pasang turut menimbulkan reaksi panik pengunjung Pantai Remis apabila kawasan pesisiran pantai turut ditenggelami air sehingga kawasan parkir kenderaan.

Ombak kuat berserta limpahan air dianggarkan sejauh 500 meter dari pesisiran pantai turut menyebabkan tapak gerai peniaga ditenggelami air dan kawasan kedai makan berdepan nasib sama.

Pengerusi Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, air laut pasang besar yang bermula kira-kira jam 6 pagi itu dilaporkan mencecah ketinggian 5.6 meter.

“Beberapa kawasan tepi pantai seperti Pantai Remis, Sungai Buloh, Pantai Jeram dan Tanjung Karang dilanda banjir kilat, bagaimanapun air mulai surut dalam tempoh satu jam,” katanya.

Menurutnya, air pasang besar ini dijangka berlaku lagi petang semalam dan pagi ini.

“Agensi kerajaan yang terlibat diarahkan bersedia membantu mangsa jika banjir melanda,” katanya.

Situasi sama turut berlaku di Jeti Parit 3, Sungai Burong, awal pagi semalam, apabila air melimpah sehingga melepasi benteng.

Bagaimanapun setakat ini, rumah penduduk tidak terjejas.

Nelayan, Mohd Ismail Roslan, 44, berkata, fenomena air pasang besar turut menyebabkan jeti kayu rosak.

“Fenomena kali ini agak teruk juga dan nelayan pun ambil langkah berjaga-jaga.

“Pagi tadi air laut lepas dari benteng tapi tak sampai rumah penduduk... bimbang juga benteng pecah kalau tak ada tindakan segera pihak berwajib,” katanya.



Jeti kayu rosak didakwa disebabkan fenomena air pasang di Parit 3.



Benteng yang perlu diberi perhatian pihak berwajib sebelum berlaku kejadian tidak diingini.



Ketua Pemuda Umno Tanjung Karang, Maruan Ahmad (kanan) bersama penduduk menunjukkan benteng runtuh.

Benteng rosak kena baiki segera

ADUN Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias turut meluangkan masa melawat mangsa fenomena air pasang di kawasan berkenaan.

Menurutnya, tiga rumah dinaiki air sehingga paras 1.5 meter di Kampung Tok Adam dan kini ditempatkan di pusat penempatan banjir manakala tiga lagi keluarga Cina di Pekan Tanjung Karang berdepan nasib sama.

“Saya lawat kawasan rumah mereka yang terjejas... jika air naik tinggi, saya nasihatkan penduduk berpindah,” katanya.

Beliau berkata, kerja kecemasan perlu dilakukan segera di kawasan

benteng rosak kerana dikhuatiri air pasang akan menyebabkannya pecah seperti yang berlaku pada 2000 dan 2004 lalu,” katanya.

“Saya tak mahu insiden seumpama itu berulang dan mohon JPS serta JKR mengambil tindakan segera mengenal pasti benteng rosak seperti di belakang Taman Malinja dan Kampung Lembah Pantai.

“Benteng rosak perlu diberi perhatian serius memandangkan paras air pasang dijangka lebih tinggi dan dikhuatiri akan menjejaskan penempatan di kawasan rendah. Pemantauan juga perlu di kawasan lain seperti Parit 3 dan Parit 4,” katanya.